

## Sila segara tukar kaedah Pengesahan Dua Faktor (2FA) kepada cara-cara yang berikut ([go.gov.sg/singpass-2fa-methods](https://go.gov.sg/singpass-2fa-methods))

### 1. Saya memiliki telefon pintar



#### Muat turun dan setkan aplikasi SingPass

Pengguna iOS



<https://go.gov.sg/spm-app-store>

Pengguna Android:



<https://go.gov.sg/spm-play-store>

Dengan ini, anda boleh log masuk ke perkhidmatan digital menggunakan cap jari, muka atau kod laluan 6-angka anda.

Untuk arahan mengenai cara mengeset aplikasi SingPass anda, sila kunjungi [go.gov.sg/singpass-2FA-guides](https://go.gov.sg/singpass-2FA-guides).

### 2. Saya memiliki telefon bimbit yang tidak boleh muat turun aplikasi



#### Aturkan SMS 2FA melalui [www.singpass.gov.sg](http://www.singpass.gov.sg)

Dengan membuat sedemikian, anda boleh menggunakan SMS-OTP (Kata Laluan Sekali Sahaja) yang dihantarkan ke nombor telefon bimbit anda untuk log masuk SingPass.

Untuk arahan mengenai cara untuk mengaturkan SMS 2FA, sila lawati [go.gov.sg/singpass-2FA-guides](https://go.gov.sg/singpass-2FA-guides).

*Harap maklum bahawa perkhidmatan ini hanya tersedia untuk nombor telefon tempatan yang berdaftar sahaja.*

### 3. Saya memiliki komputer dengan kamera web



#### Pengesahan Muka

Log masuk ke perkhidmatan digital dengan menggunakan ID dan kata laluan SingPass anda. Kemudian, sila imbas wajah anda menggunakan kamera web di komputer, atau kamera telefon pintar yang menghadap ke depan.

Sebagai alternatif, anda juga boleh menggunakan kios Pengesahan Wajah SingPass yang terletak di Pusat Perkhidmatan CPF, Pusat Perkhidmatan Pembayar Cukai dan Perniagaan IRAS, Pusat Perkhidmatan Awam 'Our Tampines Hub', Perpustakaan Awam Geylang East, dan Pusat Layanan Pelanggan Assurity.

**4. Saya  
memerlukan  
pertolongan  
ketika  
bertransaksi  
dalam talian**



**SMS 2FA Berbilang Pengguna**

Sekiranya ada ahli keluarga yang menolong untuk melakukan transaksi, anda boleh berikan persetujuan nyata untuk menghubungkan akaun SingPass anda ke nombor telefon bimbit ahli keluarga untuk tujuan menerima SMS-OTP.

Kedua-dua pihak diminta hadir untuk mengaktifkan pilihan ini di mana-mana kaunter SingPass di seluruh negara (periksa lokasi di [go.gov.sg/singpass-counters](http://go.gov.sg/singpass-counters)).

Sekiranya anda menghadapi masalah untuk hadir sendiri, sila hubungi Meja Bantuan SingPass kami di +65 6643 0555 / [support@singpass.gov.sg](mailto:support@singpass.gov.sg).

Sekiranya anda lebih suka berurusan secara peribadi, sila lawati agensi pemerintah yang berkenaan dengan NRIC atau FIN anda.

Sekiranya anda berumur 60 tahun ke atas, dan menerima bantuan ComCare MSF atau di bawah Skim Sewa Awam HDB, anda mungkin layak untuk subsidi mendapatkan telefon pintar dan pelan telefon di bawah skim Akses Mudah Alih untuk Warga Emas. Anda boleh menghubungi mana-mana hab masyarakat SG Digital yang terletak di Kelab / Pusat Masyarakat dan perpustakaan awam terpilih untuk memohon sokongan. Dapatkan maklumat terperinci di <https://www.imda.gov.sg/ma>

*Rujuk [singpass.gov.sg](http://singpass.gov.sg) untuk maklumat mengenai Syarat Penggunaan dan Pernyataan Privasi yang berkaitan dengan SingPass.*